

# Rakyat India mati 10 tahun awal

KOSMO!

MS: 33

16/6/2022

**NEW DELHI** – Satu laporan mendedahkan bahawa keadaan pencemaran udara di ibu negara India, New Delhi mampu memendekkan jangka hayat seorang penduduk sehingga hampir 10 tahun, lapor akhbar *Saudi Gazette*, kelmarin.

New Delhi adalah bandar paling tercemar di seluruh dunia.

Laporan bertajuk Indeks Kehidupan Kualiti Udara yang diterbitkan Institut Dasar Tenaga di Universiti Chicago (EPIC) tersebut mendapati bahawa seramai 1.3 bilion penduduk India tinggal di kawasan di mana paras purata tahunan partikel pencemaran udara melebihi had selamat Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Had tersebut adalah 5 mikrogram bagi setiap meter padu udara.

Faktor udara tercemar turut dikenal pasti sebagai salah satu ‘pembunuh senyap’ bagi berjuta-juta rakyat negara itu saban tahun.

Udara dipenuhi asap yang kebiasaannya meliputi bandar-bandar di India semasa musim sejuk mengandungi paras zarah halus yang sangat tinggi yang dipanggil PM2.5, iaitu partikel kecil yang boleh memenuhi paru-paru serta menyebabkan pelbagai penyakit.

Sementara itu, kajian sama turut mendapati bahawa tempoh hayat kira-kira 510 juta penduduk yang tinggal di utara India juga semakin terancam.

Bilangan yang mewakili ham-



**MONUMEN Taj Mahal di Agra diliputi jerebu tebal pada 4 Januari lalu.** – AFP

**KANAN: Pemandangan jalan raya yang berjerebu di New Delhi pada 23 Disember 2021.** – AFP

pir 40 peratus populasi negara itu berisiko tinggi kehilangan 7.6 tahun daripada purata usia mereka sekiranya tahap pencemaran udara semasa tidak berubah.

Namun, sekiranya pencemaran dapat dikurangkan mengikut piawaian WHO, ia bakal memberikan 240 juta orang di negeri Uttar Pradesh tambahan 10 ta-



hun dalam jangka hayat mereka.

Menurut EPIC, sejak 2013, kira-kira 44 peratus daripada pencemaran global berpunca dari India yang kini menjadi negara kedua paling tercemar di dunia.

Laporan tersebut turut menyatakan bahawa India menetapkan standard kualiti udara sendiri, iaitu 40 mikrogram per meter padu. Namun, lebih 63 peratus rakyatnya tinggal di kawasan yang melebihi paras itu.

Pada 2019, purata kepekatan bahan partikel udara di India adalah 70.3 mikrogram per meter padu, iaitu jumlah kepekatan tertinggi di dunia.

“Manusia sering meramalkan pencerobohan makhluk asing dari Marikh yang akan menyebarkan ‘semburan’ untuk memendekkan jangka hayat penduduk Bumi.

“Namun hakikatnya, perkara tersebut dilakukan oleh kita sendiri.

“Bukti jelas adalah situasi di India apabila rakyatnya kehilangan hampir 10 tahun daripada purata hayat normal disebabkan aktiviti manusia sendiri,” kata salah seorang pengarang laporan, Michael Greenstone.

Peningkatan pencemaran udara sejak dua dekad lalu di India berpunca daripada kemajuan perindustrian, pembangunan ekonomi dan peningkatan penggunaan bahan api fosil serta bilangan kenderaan di jalan raya turut meningkat empat kali ganda.

– AGENSI